

Minggu Suai Mesra (MSM 2014)

Minggu Suai Mesra 2014 dianjurkan pada 6 September 2014 bagi meraikan 66 orang pelajar baru di FPL. Salah satu tujuan MSM diadakan ialah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai bidang pengajian masing-masing di samping mengeratkan tali silaturahim antara pelajar senior dan juga junior. Sepanjang MSM ini berlangsung pelbagai pengisian telah dijalankan seperti lawatan ke lokasi kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di fakulti seperti dewan kuliah, dewan serbaguna dan juga kolej kediaman pelajar.

